

**Agong Mahu Umat Islam Terus Bersatu Ketepi Perbezaan  
Bernama  
August 28, 2014**

KELANA JAYA, 28 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada Khamis bertitah mahu umat Islam di Malaysia terus bersatu hati serta mengetepikan sebarang perbezaan yang boleh memecahbelahkan kesatuan ummah.

"Umat Islam juga perlu prihatin terhadap apa yang dihadapi oleh saudara Islam di negara yang sedang bergolak, dengan menghulurkan bantuan dan mendoakan kesejahteraan mereka," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika berkenan mengucapkan selamat jalan kepada kumpulan ketiga jemaah haji yang terdiri daripada 279 orang di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya di sini.

Turut hadir Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, Duta Arab Saudi ke Malaysia Fahad Abdullah Al Rashid dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Baginda turut menarik perhatian dengan mengaitkan ibadah Rukun Islam kelima itu dengan kesatuan ummah apabila ia mengajar umat Islam untuk bertoleransi dan saling bantu-membantu tanpa mengira warna kulit, bahasa, adat resam dan budaya.

"Hanya dengan sifat saling membantu akan wujud kesatuan kukuh di kalangan umat Islam dalam menghadapi kesulitan menegakkan agama Allah," titah baginda.

Tuanku Abdul Halim bertitah umat Islam di Malaysia juga harus bersyukur kerana hidup aman damai serta dapat melaksanakan amal ibadat tanpa halangan.

Baginda turut menasihatkan jemaah Haji Malaysia supaya sentiasa menjaga kebersihan diri dan kawasan sekeliling sepanjang berada di tanah suci nanti.

Titah baginda ini kerana pengabaian aspek kebersihan boleh menjadi punca penyakit seterusnya menjejaskan kesihatan mereka.

"Ibadah haji merupakan ibadah yang memerlukan sebuah pengorbanan yang jitu, kesihatan para jemaah dalam semua aspek seharusnya perlu berada pada tahap terbaik merangkumi kesihatan mental, fizikal dan spiritual.

Baginda turut menasihatkan agar semua jemaah haji sentiasa mengikuti arahan pihak berkuasa tempatan serta peraturan-peraturan yang digariskan Tabung Haji kerana ia dilaksanakan untuk menjamin keselamatan jemaah serta kelicinan proses mengerjakan haji.

Terdahulu, Jamil Khir dalam ucapannya berkata sehingga kini 1.5 juta umat Islam telah berdaftar untuk mengerjakan Haji dengan sejumlah besar daripadanya adalah golongan muda dan kanak-kanak.

"Berikutan jumlah mereka (menunggu untuk menunaikan haji) ini agak besar maka tempoh menunggu juga kini telah mencecah sehingga 60 tahun," jelasnya.

Beliau berkata bagi musim haji tahun ini, sejumlah 64 penerbangan disediakan untuk membawa 22,320 jemaah melalui tujuh stesen berlepas termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Alor Setar, Bayan Lepas, Senai, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching.

Penerbangan terakhir ke Tanah Suci bagi jemaah haji negara pula adalah pada 27 Sept ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1064142>